

BERITA HARIAN, SELASA, 11 MEI, 1982

-Laporan tubuh Bank Islam siap

KUALA LUMPUR, Isnin
— Laporan lengkap mengenai cadangan Bank Islam dijangka siap menjelang bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Penubuhan Bank Islam itu, Raja Tan Sri Mohar Badlozaman berkata hari ini, laporan awal mengenai bank itu telah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad 31 Mac lalu.

Laporan lengkap sedang disiapkan dan dijangka siap menjelang bulan depan, katanya.

Menurut Raja Tan Sri Mohar lagi, laporan itu optimistik bahawa bank tersebut boleh ditubuhkan.

Bagaimanapun, tambah beliau, terpulanglah kepada Kerajaan sama ada menubuhkannya atau tidak.